

# **PERUMAHAN MAJMUK**

**Ke arah Mencapai Keharmonian Penduduk Malaysia yang Lebih Baik.**

**SITI NOR SUZANA BINTI YAZID**

**Kajian Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina.**

**Fakulti Alam Bina**

**Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2008**

## **ABSTRAK**

Sejak nenek moyang yang datang ke Tanah Melayu pada kurun ke-15, amalan ritual dan budaya kehidupan telah dibawa dari negara China dan mengadaptasi ke dalam konteks tempatan. Perubahan telah didapati sejak masa itu sampailah sekarang disebabkan arus pemodenan dan pembangunan negara Malaysia yang deras. Kajian Tesis ini bertujuan mengenalpasti perkaitan amalan ritual masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama dengan perancangan perumahan.

Kajian Tesis ini lebih menfokus kepada amalan ritual kaum-kaum di Malaysia dengan penggunaan ruang di rumah kediaman. Kajian dari segi makro iaitu amalan ritual masarakat moden di kawasan perumahan yang melibatkan penggunaan ruang terbuka awam juga difokuskan. Isu-isu yang berlaku akibat dari kepincangan ritual keagamaan ke atas penggunaan ruang di dalam taman perumahan turut diperbincangkan. Kajian ini dilakukan dengan kumpulan data melalui kajian literatur, temubual ,pengambilan gambar dan pemerhatian.

Amalan ritual masyarakat Malaysia pelbagai kaum, agama, bangsa dan budaya yang unik yang dikaji dapatlah memberi pengetahuan dan gambaran kepada semua kaum tentang tujuan mereka bertindak demikian. Seterusnya, ruang-ruang yang dijalankan terhadap amalan ritual oleh masyarakat moden di taman-taman perumahan di Malaysia dikenalpasti di kawasan perumahan supaya perhatian dapat diberikan dalam konteks konsep susunatur ruang rumah kediaman pada masa kini dan akan datang.